

14 SEP 2001

LEAD MAHATHIR-EKONOMI

M'SIA TIDAK TOLAK KEMUNGKINAN AMBIL LANGKAH FISKAL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan yang Malaysia akan sekali lagi mengambil langkah-langkah fiskal untuk merangsangkan ekonominya.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan terjejas oleh kelemahan ekonomi Amerika Syarikat yang mungkin berterusan berikutan serangan pengganas ke atas negara itu baru-baru ini.

"Kita betul-betul serius untuk melakukannya (langkah-langkah fiskal itu)," kata beliau ketika ditanya sama ada Malaysia akan menggunakan langkah-langkah fiskal untuk merangsangkan ekonomi.

Dr Mahathir telah mengumumkan pakej rangsangan fiskal bernilai RM3 bilion pada bulan Mac sebagai peruntukan tambahan kepada RM28 bilion belanjawan 2001 dalam usaha menangani kesan-kesan negatif ekonomi AS.

Di bawah pakej itu, antara rancangan termasuklah projek-projek infrastruktur seperti sekolah, kolej dan universiti-universiti baru, tetapi para pegawai mengatakan masih terlalu awal untuk melihat pulangan hasil daripada pakej rangsangan ini.

Dr Mahathir berkata demikian selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan AS di sini hari ini berikutan serangan nekad yang memusnahkan Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington pada hari Selasa.

Jumlah kematian dijangka mencapai angka ribuan.

Beberapa rakyat Malaysia yang bekerja di menara berkembar WTC setinggi 100 tingkat itu, setakat ini belum lagi dapat dipastikan.

Dr Mahathir berkata ekonomi Malaysia begitu "rapat tertambat" dengan AS dan "insiden berkenaan boleh mengalih perhatian daripada perdagangan dalam ertikata sebenar-benarnya kepada perkara berkaitan keselamatan."

Beliau berkata "ekonomi AS akan menderita dan kita juga akan merasa kesannya."

Eksport Malaysia ke AS meningkat sebanyak 13 peratus kepada RM11.5 bilion untuk tempoh dua bulan pertama tahun 2001.

Dalam tahun 2000, jumlah perdagangan Malaysia-AS dianggarkan bernilai RM120 bilion.

Amerika Syarikat menguasai 18.7 peratus perdagangan global Malaysia, di mana 37.7 peratus daripada jumlah itu terdiri daripada produk getah, pakaian dan tekstil (31.6 peratus), optik dan produk saintifik (29.3 peratus), produk eletrik dan elektronik (26.8 peratus), produk kayu (19.0 peratus) dan eskport getah mentah (10.5 peratus).

Sementara itu, di Pasir Puteh, Kelantan, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata, Malaysia telah menubuhkan pasukan khas untuk memantau kesan-kesan yang mungkin timbul berikutan serangan ke atas AS supaya ia tidak memberi kesan buruk terhadap ekonomi negara.

Beliau berkata pasukan khas itu akan mengadakan perjumpaan setiap hari dengan wakil kerajaan, swasta termasuk persatuan-persatuan perniagaan luar negara dan persatuan perniagaan Amerika di Malaysia.

Bagaimanapun beliau berkata Malaysia tidak banyak terjejas berikutan perkembangan itu kerana sistem kewangan berfungsi dengan baik terutama penetapan nilai ringgit RM3.80 berbanding dollar Amerika banyak membantu menstabilkan keadaan gawat itu.

Bursa Saham Kuala Lumpur mengakhiri sesi pagi urus niaga pada 641.52, susut 23 mata. -- BERNAMA

SHO MR AA